

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca dan memahami Helaian Pendedahan Produk sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Kemudahan Overdraf dijamin oleh Simpanan Tetap.

Pastikan anda juga membaca dan memahami segala terma yang terdapat di dalam Surat Tawaran.

Sila dapatkan penjelasan daripada pihak Bank sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma am yang dinyatakan di dalam dokumen ini.



中國銀行 马来西亚

BANK OF CHINA (MALAYSIA) BERHAD 200001008645(511251-V)

Nama Produk:

Kemudahan Overdraf dijamin oleh Simpanan Tetap

Tarikh:

1. Apakah produk ini?

Kemudahan Overdraf yang dijamin oleh Simpanan Tetap (FD).

Kemudahan ini ialah kemudahan kredit pusingan yang perlu dibayar balik apabila diminta. Anda mencagarkan FD anda kepada Bank untuk kemudahan ini. Kemudahan ini hendaklah diberikan kepada individu sebagai tujuan pendahuluan peribadi.

Kemudahan overdraf bercagar ini dikira berdasarkan kadar berubah dan faedah dikenakan setiap hari ke atas jumlah yang dikeluarkan daripada kemudahan overdraf ini.

2. Apa yang saya dapat daripada produk ini?

Jumlah Had Overdraf : RM _____

Kadar Asas Standard (SBR) : [] % setahun

Kadar Faedah : SBR + [] %

Kadar Faedah Efektif Pinjaman : []%

Tempoh Pinjaman : Berasas pusingan, tertakluk kepada semakan tahunan mengikut budi bicara Bank di mana Bank berhak untuk menggantung, memanggil semula, membatalkan atau menamatkan kemudahan Overdraf pada bila-bila masa dengan memberikan notis.


3. Apakah Kadar Asas Standard (SBR)?

Kadar SBR yang kami tawarkan adalah berdasarkan kadar penanda aras yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Kadar penanda aras kini ditetapkan sebagai Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang mencerminkan pendirian dasar monetari seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia.

4. Apakah scenario yang boleh mencetuskan perubahan dalam SBR?

SBR boleh turun atau naik berdasarkan perubahan dalam kadar penanda aras, iaitu perubahan dalam Kadar Dasar Semalaman (OPR).

5. Historical SBR for the past 3 years



Nota: SBR diperkenalkan pada 1 Ogos 2022. Garis putus-putus menunjukkan siri sejarah OPR, yang merupakan kadar penanda aras untuk SBR.

Sila rujuk ke laman web untuk siri sejarah yang lebih panjang.

6. Apakah tanggungan saya?

- Faedah dikenakan berdasarkan jumlah penggunaan Kemudahan ini ("Amaun Overdraf Digunakan").
- Untuk membuat pembayaran faedah secara berkala dan memastikan bahawa Amaun Overdraf Digunakan bagi Kemudahan tidak melebihi Had Overdraf yang diluluskan pada bila-bila masa.
- Untuk membayar keseluruhan jumlah tertunggak pada Kemudahan termasuk pokok, faedah dan sebarang wang lain yang terhutang kepada Bank atas permintaan atau selepas penamatan atau pembatalan Kemudahan.
- Kadar faedah ke atas Kemudahan ini disandarkan kepada SBR yang mungkin turun naik dari masa ke semasa. Peningkatan dalam SBR boleh menyebabkan caj faedah yang lebih tinggi.

NOTA PENTING: Faedah bulanan adalah amaun penggunaan overdraf yang dicaj dan jumlah amaun yang dikenakan faedah akan berbeza-beza jika SBR berubah.

Contoh:

Had Overdraf	: RM100,000
Amaun Overdraf yang digunakan	: RM50,000
Jumlah Hari penggunaan Overdraf	: 30 hari pada September
Kadar Faedah	: SBR + 1.00% setahun

Jadual di bawah menunjukkan contoh variasi faedah bulanan yang dikenakan jika SBR berubah:

Kadar (SBR + 1.00% setahun)	SBR Kini	Jikalau SBR naik 1.00%	Jikalau SBR turun 1.00%
SBR	3.00% setahun	4.00% setahun	2.00% setahun
Kadar Faedah Efektif Pinjaman	4.00% setahun	5.00% setahun	3.00% setahun
Kadar Faedah atas Amaun Overdraf yang digunakan	RM164.38	RM205.48	RM123.29

* Pengiraan adalah berdasarkan contoh hari penggunaan dalam bulan September.

7. Apakah yuran dan caj lain yang perlu dibayar?

- Duti Setem pada Surat Tawaran: **0.5%** dari had kemudahan
- Duti Setem pada Memorandum Simpanan: **RM10**
- Yuran Komitmen: Yuran komitmen sebanyak **Satu peratus (1.00%)** setahun akan dikenakan ke atas bahagian Kemudahan yang tidak digunakan jika had Kemudahan yang diberikan kepada anda adalah melebihi RM250,000. Yuran yang tidak boleh dikembalikan ini akan dicaj ke akaun Kemudahan anda pada akhir setiap bulan.

8. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi obligasi saya?

- Sekiranya Amaun Overdraf Digunakan melebihi Had Overdraf yang Diluluskan, faedah sebanyak **Satu peratus (1.00%)** setahun akan dikenakan sebagai tambahan kepada kadar yang ditetapkan, menyebabkan jumlah tertunggak meningkat.
- Kami mempunyai hak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun yang dikekalkan dengan kami terhadap sebarang baki tertunggak dalam Kemudahan Overdraf.
- Hak untuk menguatkuasakan sekuriti: Bagi mana-mana FD yang telah dicaj kepada Bank sebagai sekuriti untuk Kemudahan Overdraf, Bank akan mempunyai hak untuk mengguna FD terhadap jumlah tertunggak di bawah Kemudahan Overdraf selepas notis bertulis tujuh (7) hari kalendar. Jika terdapat kekurangan, anda tetap bertanggungjawab untuk kekurangan tersebut
- Tindakan undang-undang terhadap anda boleh menjejaskan penarafan kredit anda menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.

9. Bagaimana sekiranya saya menyelesaikan pinjaman sebelum tempoh terkunci matang?

Tiada tempoh terkunci matang.

10. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Tiada penjamin diperlukan; Bagaimanapun, simpanan tetap anda hendaklah dicagarkan kepada Bank sebagai cagaran untuk kemudahan ini.

11. Apakah yang saya perlu lakukan sekiranya berlaku perubahan dalam butiran hubungan saya?

Penting untuk anda memaklumkan kepada Bank sekiranya berlaku sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda supaya segala maklumat terkini dari Bank dapat disalurkan dengan efektif.

Sila kunjungi cawangan Bank terdekat untuk mengemas kini butiran perhubungan anda.

12. Where can I get assistance and redress?

Jika anda mempunyai kesulitan dalam membuat pembayaran balik, sila hubungi kami pada kadar segera bagi membincangkan alternative bayaran balik. Kami boleh dihubungi melalui:

Bank of China (Malaysia) Berhad

6th Floor, Plaza OSK
25, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Tel: 03-2387 8367 / 03-2387 8211
Email: customerdesk@bankofchina.com.my

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan khidmat dari **Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**, sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman bagi individu. AKPK boleh dihubungi melalui:

Level 5 & 6, Menara Bumiputra Commerce
Jalan Raja Laut
50450 Kuala Lumpur
Tel: 03-2616 7766
Email: enquiry@akpk.org.my

Jika ada berhasrat untuk membuat aduan mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh kami, sila hubungi:

Customer Service Center

Tel: 603-2059 5566
Fax: 603- 2161 5150
Email: callcenter@bankofchina.com.my

Bank of China (Malaysia) Berhad

5th Floor, Plaza OSK
25, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
(Perhatian kepada: Compliance Department)

Jika ada mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK melalui:

Block D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465
Fax: 03-2174 1515
Email: bnmtelink@bnm.gov.my

13. Where can I get further information?

- Untuk maklumat lanjut berkenaan pinjaman rumah / pinjaman tetap, anda boleh merujuk kepada buku maklumat perbankan edisi "Overdraft", yang terdapat di semua cawangan Bank atau laman web www.bankinginfo.com.my
- Sila hubungi kami di: 603-2059 5566 (Khidmat Pelanggan) atau laman web www.bankofchina.com.my untuk maklumat cawangan Bank terdekat.

14. Other Product Packages available

- Housing Loan
- Term Loan
- Flexi Housing Loan

PERINGATAN PENTING:

PENYELESAIAN DEPOSIT TETAP ATAU TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENYAMPAIKAN PEMBAYARAN BALIK / PEMBAYARAN TIDAK DIPATUHI.

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada / / (hh/bb/tttt)

Penafian:

Terma dan syarat yang dinyatakan dalam Helaian Pendedahan Produk ini adalah tentatif / indikatif dan tidak diikat oleh Bank. Mukhtamad dan syarat adalah seperti yang ditetapkan dalam surat tawaran dan Perjanjian Kemudahan selepas penilaian kredit dan kelulusan pinjaman.